

## Romantik, Kaya dan Sempurna: Representasi Pasca-Islamism dalam Novel *Ayat-Ayat Cinta 2* Karya Habiburrahman El-Shirazy

UMMI HANI ABU HASSAN  
AWANG AZMAN AWANG PAWI  
*Universiti Malaya*

### ABSTRAK

Pasca-Islamism adalah satu proses Islamisasi baru sama ada secara projek mahupun situasi halus yang berlaku di seluruh dunia. Ianya berlaku kesan globalisasi media. Walaupun perbincangannya bermula dengan isu sosio-politik dan empayar intelektual, kini pasca-Islamisme menjadi asas kepada sarwajagat muslim terutama yang berinteraksi dengan sistem dan nilai barat. Dalam konteks Indonesia yang mempunyai majoriti penduduk Islam dan mengamalkan politik demokrasi, ciri pasca-Islamism adalah sesuatu yang menarik untuk diterokai. Justeru, kajian ini mengemukakan sorotan mendalam terhadap Novel *Ayat-Ayat Cinta 2* karya Habiburrahman El-Shirazy sebagai tirai diskusi kesusasteraan Islam pasca-Islamism. Kajian mendapati kelahiran novel-novel Islam selepas tahun 2003 dilatari oleh tiga faktor utama iaitu agama Islam yang semakin dihayati di Indonesia, budaya popular yang tumbuh hasil kesuburan politik demokrasi dan persaingan antara penerbit yang dipacu ekonomi pasaran bebas. Daripada aspek pembinaan plot dan naratif novel pula terbina dari dua struktur iaitu struktur yang berangkat dari penawaran mesej Islam dan struktur kisah-kisah yang lebih peribadi seperti cinta romantik dan seks. Alat penyatuan dua struktur tersebut adalah nilai-nilai komersial, kontemporari dan popular yang telah menerima penjenamaan dalam pasaran komunikasi dan media massa. Terakhir, kajian berpendapat bahawa Novel *Ayat-Ayat Cinta 2* adalah hasil kesusasteraan dalam masa yang sama adalah produk budaya pasca-Islamism. Kesemua gabungan kisah cinta Islam, budaya popular masyarakat, produksi karya dan penyebaran karya dalam khalayak pembaca membentuk cita rasa dan pemikiran budaya popular semasa.

**Kata kunci:** *Pasca-Islamism, novel popular Islam, sastera Indonesia, novel Ayat-Ayat Cinta 2, media massa.*

## Romantic, Wealth and Perfectionist: The Representation of Post-Islamism in Habiburrahman El-Shirazy's Novel *Ayat-Ayat Cinta 2*

### ABSTRACT

Post-Islamism is a new process of Islamization either by project or by refinement happening all over the world. It has the effect of globalization of the media. Although the discussion begins with socio-political issues and intellectual empire, now post-Islamism is fundamental to the Muslim world especially those that interact with western values and systems. In the context of Indonesia having a majority of Muslim people and practicing democracy, the nature of post-Islamism is something interesting to explore. Therefore, this study presents an in-depth look at the Novel- Habiburrahman El-Shirazy's *Ayat-Ayat Cinta 2* is the pathway to discussion on Islamic literature post-Islamism. Studies have found the birth of Islamic novels after 2003 has been traced to three main factors; religion of Islam gaining popularity in Indonesia, popular culture grown through the fruitfulness of democratic politics, and competition between publishers driven by a free market economy. Whereas from the point of construction of the plot and narrative of the novel, there are two structures which are the structure which departs from the offering of Islamic messages and the

structure of more personal stories such as romance and sex. The unifying tools of these two structures are commercial values, contemporary and popular brands that have received branding in the communication and mass media market. Lastly, the study argues that Novel *Ayat-Ayat Cinta 2* is a literary product at the same time a product of post-Islamic culture. The Islamic love stories, popular culture in society, the production of novel and marketing shaping the taste of popular culture today.

**Keywords:** *Post-Islamism, popular Islamic novels, Indonesian literature, novel Ayat-Ayat Cinta 2, mass media.*

## PENGENALAN

Indonesia adalah pintu masuk Islam ke Asia Tenggara sejak ia berkembang di Aceh pada akhir abad ke 13 Masihi melalui para pedagang Arab (Bowen, 1984, hlm.22; Aspinall, 2007, hlm.247). Hari ini, Islam menjadi agama anutan majoriti masyarakat Indonesia iaitu 87 peratus daripada 271 juta penduduk (Arifanto, 2009, hlm.73). Sebagai agama ‘cara hidup’ (*the way of life*), Islam berasimilasi dengan perubahan kontemporari Muslim Indonesia yang bermula akhir tahun 1990. Perubahan ini dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji sosio-politik dunia Islam seperti Asef Bayat (1996), Weintraub (2011), Muller (2013), Harmakaputra (2015) dan Muhammad Ansor (2016) sebagai wacana pasca-Islamism (*post- Islamism*) iaitu proses perubahan masyarakat Islam yang dibentuk sejarah kolonial, keadaan sosio-ekonomi pasca kolonial, interpretasi baru terhadap sarwajagat Islam serta kebangkitan gerakan Islam kontemporari di seluruh dunia (Sinanovic, 2005, hlm.433-436).

Kajian-kajian terkini menunjukkan perbincangan pasca-Islamism berlaku dalam pelbagai dimensi masyarakat di negara-negara majoriti muslim. Istilah pasca-Islamism dikemukakan oleh Asef Bayat (1996). Beliau mengatakan landskap sosio politik Islam bertukar sejak tahun 1980-an daripada ideologi politik yang menggerakkan gagasan negara Islam kepada cara hidup Muslim moden yang lebih bersifat individu dan popular kerana menerima pengaruh media massa. Dengan merujuk negara Iran, iaitu negara yang dipercayai Asef Bayat sebagai negara Islam moden pertama dan pencetus pasca-Islamism pada tahun 1989, beliau mendefinisikan pasca-Islamism sebagai gagasan penyatuan antara Islam sebagai kepercayaan agama dengan kebebasan individu yang berarus dari nilai demokrasi dan kemodenan barat. Pasca-Islamism adalah usaha-usaha mengislamisasikan keperluan sosial, politik dan ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih halus dan berdinamika semasa. Pengaruh interaksi Muslim dan non-Muslim menjadikan wacana politik pasca-Islamism lebih pantas.

Harmakaputra (2015) mengemukakan bandingan pasca-Islamism antara tiga negara yang berbeza populasi Muslim iaitu Pakistan, Amerika Syarikat dan Indonesia. Beliau melihat dasar pasca-Islamism lebih bertoleransi terhadap hak-hak non Muslim termasuk memberikan mereka kuasa pemerintahan ke atas Muslim berbanding era Islamisasi yang meletakkan non Muslim sebagai pihak kedua dalam negara majoriti Muslim. Wan Ahmad Fahmi (2014) mengemukakan contoh pasca-Islamism Malaysia melalui kerjasama Parti Islam Semalaysia (PAS) dengan parti-parti berteraskan agenda sekular seperti Parti Tindakan Demokratik (DAP) dari tahun 1999 sehingga 2016. Atas prinsip *tahaluf siyasi* atau kerjasama politik, PAS mengendurkan matlamat menegakkan negara Islam melalui perlaksanaan undang-undang Islam kepada hak-hak masyarakat majmuk bawah payung negara berkebajikan (2014, p. 13). Hal ini turut dipengaruhi etno-nasionalisme yang bukan sahaja

berkisar isu agama, akan tetapi dalam soal etnik di Sabah dan Sarawak (Suffian Mansor & Awang Azman, 2018, hlm.198; Awang Azman et al., 2016, hlm.78-79).

Muller (2016, hlm.318) mengatakan antara usaha PAS adalah menukar rentak pendekatannya dengan mengalukan budaya popular ke dalam parti tersebut. Hiburan dan kesenian popular adalah cabang pasca Islamism yang menjadi tumpuan sarjana sosiologi. Muller menjelaskan bagaimana PAS telah beralih dari kumpulan yang dahulunya berimejkan parti konservatif Islam dengan cuba mengharamkan apa-apa bentuk seni dan hiburan ke arah menjadi perintis budaya popular seperti mewujudkan kumpulan nasyid kontemporari, pendakwah – selebriti, dakwah media sosial dan sukan motosikal berkuasa tinggi. Budaya-budaya popular ini disepadukan dengan matlamat mewujudkan negara Islam di Malaysia. Transformasi budaya PAS bukan sahaja dipengaruhi oleh persaingan politik dan kecenderungan sosial yang lebih luas, tetapi juga dengan munculnya generasi Y dan Z dalam PAS. Di Indonesia, perbincangan pasca-Islamism juga tidak memisahkan antara sistem politik negara dengan budaya-budaya makro dan mikro masyarakat Muslim Indonesia yang kompleks. Noorhaidi (2009) melihat isu pengisian demokrasi selepas kejatuhan rejim Suharto pada 1998. Menurut beliau, terdapat pertembungan matlamat politik Islam di era reformasi Indonesia iaitu pihak yang ingin mengharmonikan demokrasi dengan nilai-nilai Islam dengan pihak yang hanya mahu perlaksanaan hukum Islam secara menyeluruh. Pasca Islamism terjadi apabila gerakan-gerakan sivil Muslim yang didokong kelas pertengahan mempromosikan kesepadan demokrasi dan Islam seperti hak asasi, sokongan terhadap kumpulan minoriti, persamaan gender dan ekonomi kapital yang menerima penjenamaan Islam. Berangkat daripada isu makro, budaya popular Islam berkembang luas iaitu Islam telah menjadi sebahagian dari budaya konsumen harian dan penanda identiti penting dalam status sosial dan afiliasi politik.

Weintraub (2011, hlm. 22-28) memperdalamkan perbincangan tentang Islam dan budaya popular di Indonesia dan Malaysia yang menurutnya banyak dibentuk oleh media massa seperti media cetak, muzik, filem, televisyen dan internet. Beliau menjelaskan empat keadaan yang merujuk kepada istilah Islam popular di Indonesia dan Malaysia iaitu Islam yang berbeza daripada garis panduan (*orthodox official form of Islam*) yang ditetapkan kumpulan penguasa elit. Kedua, Islam yang bergabung dengan pengeluaran media massa sehingga tertonjol sifat kebandaran, global dan kosmopolitan. Ketiga, keadaan pertembungan antara aktiviti sehari-hari muslim seperti yang dianjurkan agama Islam dengan budaya massa dan keempat, budaya popular telah menjadi intergral iaitu hasil dalam proses Islamisasi selama lebih empat abad di nusantara. Islam popular menular bukan dengan kaedah pemaksaan dan undang-undang, sebaliknya satu sistem Islamisasi yang dipengaruhi media massa serta mampu memperjelaskan identiti muslim moden melalui penonjolan luaran seperti fesyen dan gaya hidup. Para sarjana watan seperti Muzakki (2017), Mohammad Rokib (2012), Heryanto (2011), Huda (2010) dan Paramaditha (2010) meneroka lebih khusus isu-isu budaya popular Islam Indonesia antaranya kesusasteraan popular Islam, filem dan sinetron Islam, rancangan televisyen dan muzik Islam. Kesemua ini memperlihatkan konsep budaya popular berdasarkan sumbangan media massa melalui filem, kesusasteraan, dan sosiologi masyarakat yang memperlihatkan sifat antara disiplin ilmu (Strinati, 2005, hlm.xii).

Artikel ini akan menyorot lebih mendalam ciri-ciri pasca Islamism dalam novel *Ayat-Ayat Cinta 2* (2015) karya Habiburrahman El Shirazy. Bertitik tolak daripada kajian-kajian terdahulu yang bersetuju bahawa novel *Ayat-Ayat Cinta* (2004) adalah peledak kepada

penjenamaan novel popular Islam di Indonesia dan Malaysia (Mohd Zariat, 2012, Minako Sakai, 2012 dan Koh Young Hun, 2018), kajian merasakan perlunya penelitian lanjut dilakukan terhadap novel *Ayat-Ayat Cinta 2* yang merupakan kesinambungan kepada novel *Ayat-Ayat Cinta*. Salah satu konsep yang dipopularkan dalam novel ini ialah *taaruf* yang bermaksud mengenali antara satu sama lain dalam konteks pencarian jodoh menurut Islam (Sasono, 2013, hlm.52). Kajian berandaian bahawa pengarang memberikan imej yang menepati selera masyarakat dalam iklim budaya popular Islam untuk menyampaikan agama Islam dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, beberapa unsur dikenal-pasti bersifat penjenamaan iaitu cinta, kekayaan dan kesempurnaan yang boleh menyuburkan lagi pasca-Islamism di Indonesia.

#### PENJENAMAAN BARU NOVEL ISLAM INDONESIA PASCA-ISLAMISM

Di Indonesia, novel yang serius mengemukakan tema keislaman bermula dengan novel-novel Hamka (Mohd Faizal Musa, 2012). Hamka yang lahir pada 17 Februari 1908 adalah anak Abdul Karim Amrullah, seorang ulama dan reformis Islam di Minangkabau, Sumatera. Beliau dibesarkan dalam aturan Islam yang ketat dan diasuh untuk mengikuti jejak langkah ayahnya (Moussay, 1986; Wan Sabri, 2005). Bermula pada 1936 sehingga 1941, Hamka telah menulis tiga buah novel iaitu *Di Bawah Lindungan Kaabah* (Balai Pustaka, 1936), *Tenggelamnya Kapal Van de Wijck* (Balai pustaka, 1937), dan *Merantau ke Deli* (Cerdas Medan, 1941) dengan matlamat menyampaikan dakwah Islam. Walaupun pemasaran novel bercorak cinta adalah rancak pada 1930-an dan 1940-an (Mujiyanto & Fuady, 2014, hlm.33-34), tetapi belum muncul penjenamaan novel-novel Islam terutama pada judul, isi kandungan dan kulit buku. Pada tahun 1950-an sehingga 1960-an, sebahagian besar novel Indonesia mempunyai kecenderungan memuatkan ideologi komunis akibat faktor politik pemerintah (Koh & Ummi Hani, 2018).

Konsep novel Islam mula diperdebatkan apabila simbol-simbol keislaman tertunjol pada kulit buku dan isi kandungan yang mengisi industri penerbitan Indonesia selepas kejatuhan Presiden Suharto pada 1998. Mohamad Rokib (2015, hlm. 184) mengatakan perbincangan sastera Islam Indonesia menjadi serius apabila berlakunya perlawanan ideologi antara penulis yang memperjuangkan kebebasan liberal-sekular dengan kumpulan penulis Islam kontemporari yang ditunjangi gerakan sosial Islam seperti Hizbur Tahrir (HT) dan Forum Lingkar Pena (FLP). Para novelis yang berselindung di balik nama ‘sastra wangi’ seperti Ayu Utami, Djenar Maesa Ayu, dan Dewi Sartika mempelopori tema-tema seksual dan erotik yang mendapat sambutan hangat di kalangan pembaca (Mohd Zariat, 2012, hlm. 59). Walau bagaimanapun, penjualan novel ‘sastra wangi’ tidak mampu menyanggah jualan novel *Ayat-Ayat Cinta* (2004) yang terjual lebih 700,000 naskah (El-Shirazy, 2007, hlm.12). Pengarang novel *Ayat- Ayat Cinta* (2004), Habiburrahman El-Shirazy adalah ahli dan penggerak komuniti penulis Islam FLP. Beliau dan lebih 5000 ahli FLP yang lain dilatih untuk menyampaikan mesej Islam yang toleran, sederhana (wasatiyyah) dan universal melalui penulisan kreatif khususnya cerpen dan novel (Koh & Ummi Hani, 2015). Novel sastera Islam adalah cara penyampaian dakwah halus yang selari dengan kesedaran masyarakat Muslim Indonesia terhadap Islam. Pengasas FLP, Helvy Tiana Rossa menjelaskan bahawa sastera Islam adalah universal dan tidak membawa pembacanya kepada kelalaian sebaliknya perlulah mengutarakan cerita yang terbina daripada akidah dan akhlak (Arnez, 2009, hlm.45-64). Melalui forum dan latihan penulisan, Helvy mencetuskan kumpulan penulis-penulis muda yang bukan sahaja membaca dan membincangkan tentang novel-novel Islam

bahkan membuat bengkel latihan menulis, bimbingan rapat dan menerbitkan novel bertemakan keislaman di bawah payung FLP. Situasi ini mewujudkan lingkaran penulis dan pembaca yang menyemarakkan industri penerbitan novel-novel Islam di Indonesia awal tahun 2000-an sehingga kini.

Seterusnya, fenomena jualan novel *Ayat-Ayat Cinta* (2004) menjadi faktor kemarakan novel-novel Islam dengan imej dan simbol yang mirip terutama pada judul, nama pengarang dan ilustrasi kulit buku seperti *Syahadat Cinta* (2006), *Musafir Cinta* (2007) dan *Makrifat Cinta* (2007) oleh Taufiqurrahman Al-Azizy, *Mukjizat Cinta* (2007) oleh Muhammad Masykur A. R. Said, *Kasidah-Kasidah Cinta* (2007) oleh Muhammad Muhyidin dan *Tahajud Cinta* (2008) oleh Muhammad El-Natsir. Ilustrasi kulit novel juga ditampilkan dengan imej Islam dan elemen romantis seperti sepasang mata gadis cantik dan gambar lelaki muda berkopiah. Imej begini dapat menjelaskan peribadi watak utama adalah gadis yang cantik dan taat agama atau pemuda kacak yang soleh. Tambahan di bawah imej diselitkan tema-tema Islam seperti *Novel Spritual Pembangun Iman*, *Sebuah Novel Religius*, *Sebuah Novel Religius Pembimbing Jiwa-Jiwa Pencinta*, *Sebuah Novel Spritual Keajaiban Cinta* dan *Sebuah Novel Pembangun Jiwa*. Kemiripan lain yang dikesani adalah tanda ‘Best Seller’ yang diletakkan di kulit novel dan tulisan komersial seperti ‘Novel Ini Telah Terjual Lebih 20,000 Naskah’ yang boleh meransang minat pembeli. Biodata para pengarang turut menunjukkan mereka pernah belajar di institusi pengajian Islam seperti Universiti Al-Azhar, Mesir atau pesantren lokal dengan nama pena yang berunsurkan Islam dan arab seperti Al-Azizy dan El-Natsir (Mohd Zariat, 2012, hlm. 59-73). Selain novel sastera Islam popular, beberapa nama dikenal-pasti dapat mencerminkan produk sastera Islam antaranya Novel *Teenlit*, *Islamic Kidlit*, Sastra Tarbiah, Sastra Kitab dan Sastra Pesantren (Muzakki, 2017, hlm.61; Mohammad Rokib, 2015, hlm. 187).

Dari tahun 2007 sehingga 2016, lebih 381 buah novel bertemakan Islam dan cinta diterbitkan oleh penerbit utama Indonesia seperti Penerbit Republika, Mizan, Gramedia, Syamir, Lingkar Pena Publishing House, Gema Insani, Era Intermedia dan Indiva Media Kreasi. Para penerbit juga mencari penulis dengan gaya penulisan yang ditentukan oleh mereka. Misalnya, Penerbit Republika mempromosikan ‘Ingin Jadi Penulis Hebat?’ di laman web <http://bukurepublika.id>. Kecenderungan penerbit menetapkan tema, judul dan jumlah halaman novel dapat dikaitkan dengan pemasaran dan keuntungan. Tambahan, jika sesebuah penerbit mengeluarkan novel berunsurkan cinta Islam dan cinta non –Islamik dalam satu-satu penerbitan. Menurut Muzakki (2017, hlm. 67) walaupun novel-novel Islam memuatkan nilai spiritual yang cocok dengan Muslim di era moden, tetapi novel-novel Islam juga berkecenderungan mengeksplorasi tema cinta romantisme. Pada 1980-an, Islam tidak ditonjolkan dengan kekayaan dan gaya moden. Sebaliknya, kebebasan media di Indonesia menyaksikan kemunculan budaya-budaya baru termasuk Islam popular yang dapat dikaitkan dengan novel cinta Islam (Weintraub, 2011, hlm. 50). Sebagai contoh, selepas AAC, Habiburrahman El-Shirazy menghasilkan tujuh novel yang masih mengekalkan tema Islam dan cinta iaitu *Ketika Cinta Bertasbih 1* (2007), *Ketika Cinta Bertasbih 2* (2007), *Dalam Mihrab Cinta* (2008), *Bumi Cinta* (2010), *Cinta Suci Zahrana* (2011), *Api Tauhid* (2015) dan *Ayat-Ayat Cinta 2* (2015). Empat novelnya diadaptasi menjadi filem dan sinetron dengan teraju utama adalah pemuda kacak dan gadis cantik berimejkan Islam. Mesej novel yang disampaikan lewat skrin menambahkan lagi fenomena budaya pasca Islamism Indonesia sehingga kini. Antara filem adaptasi novel cinta Islam adalah *Ayat-Ayat Cinta* (3.6 juta penonton di pawagam), *99 Cahaya di Langit Eropah* (1.8 juta penonton di pawagam), *Ketika*

*Cinta Bertasbih* (3.1 juta penonton di pawagam), *Ketika Cinta Bertasbih 2* (2.01 juta penonton di pawagam) dan *Syurga Yang Tak Dirindukan* (1.3 juta penonton di pawagam). Mesej Islam dan cinta yang tertonjol dalam novel dan filem adaptasi kemudiannya menjadi amalan dalam masyarakat sebenar.

Budaya popular menjadi arena penting kepada Muslim kontemporari Indonesia untuk memperkembangkan idea baharu berkaitan agama Islam yang menjadi anutan majoriti penduduk Indonesia sejak abad ke-13. Para intelektual Muslim, novelis, penerbit televisyen, pengarah filem, artis, ahli muzik dan pihak-pihak yang terlibat dalam media popular bebas menterjemahkan Islam yang disambut oleh golongan Muslim kelas pertengahan (Noor, 2015, hlm. 284). Media sosial dengan aplikasi siaran langsung (*/live*) seperti *Facebook Live*, *Instagram Live* dan *Instagram TV* melonjakkan lagi anjakan budaya popular Islam. Fenomena baru apabila para penulis popular Islam seperti Habiburrahman El-Shirazy dan Salim A. Fillah membuat penampilan sebagai penceramah di akaun media sosial mereka yang diikuti lebih 700000 orang. Bahkan gandingan para penulis dengan tokoh-tokoh ulama di pelbagai media popular seperti Youtube dan televisyen atas talian (*online tv*) memudahkan penyebaran agama Islam sekilip mata di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, sebahagian pengkaji memposisikan perbincangan budaya pasca-Islamism termasuk novel sastera Islam sebagai produk pasaran bebas. Noor (2015, hlm. 298) mengatakan hasil budaya popular Islam baik secara nyata atau maya telah meletakkan negara-negara Muslim seperti Malaysia dan Indonesia sebagai pusat kewangan Islam: *That some of these commodities are sold to Muslims on the basis that again the existence of an economy that is both financial and discursive: the Muslim global market that exists today within the broader ambit of global capitalism and capital-driven development is not a revolutionary enterprise that seeks to overthrow the logic of Capital, but rather find its own niche and support itself while operating within that economic network and discourse* (Noor, 2015, hlm. 299). Pandangan ini juga selaras dengan Nisa (2018, hlm. 68-99) yang menyorot kecenderungan selebriti dakwah Indonesia di Instagram untuk berdakwah dalam masa yang sama menjenamakan, memasarkan dan mempromosikan produk mereka kepada para pengikut di media sosial. Oleh itu, kajian menyimpulkan bahawa novel Islam Indonesia pasca- Islamism dapat disorot dengan nilai dan budaya yang melatarinya iaitu agama Islam yang semakin dihayati di Indonesia, budaya popular yang tumbuh hasil kesuburan politik demokrasi dan persaingan antara penerbit yang dipacu ekonomi pasaran bebas.

#### ROMANTIK, KAYA DAN SEMPURNA DALAM NOVEL AYAT-AYAT CINTA 2

Fahri, watak utama novel *Ayat-Ayat Cinta* (2004) menggegarkan masyarakat Indonesia lebih satu dekad dengan kemaskulinan seorang lelaki iaitu berakhhlak mulia, berilmu pengetahuan, rajin berusaha, berwawasan tinggi, kacak, tenang, penyayang, romantik dan berani berpoligami. Tetapi, kematian isteri keduanya Maria adalah ruang kepada Fahri untuk hanya menyayangi Aisha dan meraikan perkahwinan monogami, sesuatu yang menjadi tradisi dalam masyarakat Muslim Indonesia.

Selepas 10 tahun, Habiburrahman El-Shirazy meneruskan lagi tema cinta romantik dalam perkahwinan ‘poligami versi monogami’ menerusi novel *Ayat-Ayat Cinta 2* (2015). Fahri berhadapan tragedi cinta ‘timbal-balik’ antara Aisha (Sabina) dan Hulya. Watak Aisha yang jelita didatangkan dengan perubahan ketara iaitu wanita berwajah buruk dengan nama Sabina. Konflik berlaku apabila Sabina tidak mengakui dirinya adalah Aisha, tetapi sentiasa mengekori kehidupan Fahri. Ketika dalam proses menjelaki Aisha (Sabina), Fahri bertemu

dan berkahwin dengan wanita jelita bernama Hulya. Pengarang telah mewajarkan keadaan perkahwinan monogami dengan hanya Hulya melayani Fahri, sedang isteri pertamanya, Aisha (Sabina) wujud tetapi peranannya dihilangkan atas kemahuan Aisha (Sabina). Fahri hanya dikembalikan kepada Aisha (Sabina) selepas pengarang mematikan watak Hulya, dalam keadaan wajah Aisha (Sabina) ditukar dengan wajah Hulya melalui proses pembedahan plastik. *Happy ending* adalah sesuatu yang disukai oleh majoriti pembaca.

Dari sudut cinta romantik, peranan Aisha (Sabina) dan Hulya lebih menonjol berbanding Fahri. Dalam tempoh masa yang berbeza, dua wanita ini berusaha-keras menjadi isteri yang terbaik kepada Fahri termasuklah dalam hubungan seksual. Sikap dingin Fahri untuk melaksanakan hubungan seksual pada bulan-bulan pertama perkahwinannya dengan Hulya menjelaskan bahawa Fahri adalah lelaki yang komplek dalam hubungan seksual. Baik Aisha mahupun Hulya perlu lebih teliti, kreatif dan sabar untuk menggoda Fahri. Di satu sisi yang lain, pengarang mengangkat kuasa wanita dalam perkahwinan. Wanita bukan hanya menuruti kemahuan suami tetapi mempunyai hak berkreativiti dalam hubungan seksual. Misalnya, Aisha mendahului Fahri mengambil wudhuk (dengan tujuan melakukan persetubuhan), ketika Fahri dalam bilik air, Aisha membuka lampu tidur dan memakai pewangi. Aisha membacakan puisi sebagai kunci ransangan syahwat suaminya. Ini dinyatakan Fahri bahawa dia ‘tidak boleh bersabar’ dengan maksud tidak dapat menahan naluri seksualnya ketika mendengar puisi yang dibacakan isterinya. Aisha juga memilih hotel-hotel lima bintang sebagai tempat melaksanakan ibadah seksual dengan Fahri. Berikut adalah sifat romantik Aisha terhadap Fahri:

Ternyata Aisha telah menyiapkan segalanya dengan rapi. Aisha bahkan memberikan kejutan. Ia telah memesan perlengkapan spa di kamar. Dan siang itu dirinya dilucuti oleh Aisha untuk dipijat dan disegarkan dengan spa hingga dirinya tertidur. Sore hari menjelang Magrib, pemandangan di teras beranda hotel yang mengarah ke Danau Titisee begitu memesona. Ia berdiri sambil memeluk Aisha, dengan mulut menggumamkan dzikir sore. Dan kedua mata menikmati panorama alam yang luar biasa indahnya. Bau khas parfum lembut Aisha menyempurnakan suasana romantik itu. Bagaimana ia bisa melupakan Aisha. Dan malam harinya, di kamar hotel di pinggir Danau Titisee itu, Aisha menjelma menjadi bidadari yang telah membuang rasa malunya di hadapan suaminya tercinta, dan memberikan yang terbaik saat beribadah bersama suaminya? Bagaimana mungkin ia bisa melupakan Aisha? (Ayat-Ayat Cinta 2, 2015, hlm. 22).

Pernyataan Fahri tidak dapat melupakan Aisha adalah kerana usaha keras Aisha memenangi hati suaminya melalui cara romantik yang halus. Walaupun akhirnya Fahri terbuka hati mengahwini Hulya, namun Hulya ‘dipaksakan’ pengarang untuk meniru dan mengikut langkah Aisha dalam melayani kehendak batin Fahri. Rasa cemburu Hulya secara tidak langsung menjadikan ‘teknik romantik’ dipelbagaikan untuk memenangi jiwa dan perhatian Fahri daripada mengingati Aisha. Terdapat dua kaedah romantik yang dilakukan Hulya. Pertama, kaedah bersifat terang-terangan iaitu memberitahu Fahri bahawa dia akan menjadi isteri lebih baik dari Aisha:

Segala kebaikan Aisha yang aku tahu, maka aku akan berusaha untuk bisa lebih baik darinya. Aku akan berlomba dalam kebaikan dengan bayangan Aisha setiap hari (*Ayat-Ayat Cinta 2*, 2015, hlm. 595).

...malam ini aku sangat cantik melebihi bidadari di syurga sana (*Ayat-Ayat Cinta 2*, 2015, hlm.595).

Kata-kata berikut menunjukkan keazaman Hulya untuk menjadi lebih baik daripada Aisha yang begitu kuat dalam diri Fahri. Frasa ‘melebihi bidadari syurga’ sudah cukup menjelaskan matlamat Hulya untuk menjadi wanita sempurna baik secara rohani dan fizikal kepada suaminya. Walau bagaimanapun, pengarang menonjolkan secara berlebihan sifat setia Fahri kepada Aisha. Kecantikan Hulya belum cukup melenturkan kedinginan syahwat Fahri.

Sudah tiga hari ia dan Hulya bermesraan (ringan) di tepi Sungai Thames itu tetapi ia belum bisa menjalankan kewajipannya sebagai suami (memberi nafkah batin) (*Ayat-Ayat Cinta 2*, 2015, hlm.598).

Ia telah berusaha semampunya untuk membuat Fahri membara dalam kudratnya sebagai lelaki. Tetapi dua bulan lebih hidup bersama, ia masih utuh sebagai seorang perempuan yang masih gadis (*Ayat-Ayat Cinta 2*, 2015, hlm. 602).

Kegagalan Fahri meniduri Hulya hampir tiga bulan menjadi titik-tolak kepada Hulya untuk memperbaiki teknik melayani Fahri. Sebaliknya di pihak Fahri, keputusannya untuk menawarkan penceraian kepada Hulya mencalari kredibilitinya sebagai seorang suami yang romantik. Pengarang kemudiannya menemukan Hulya dengan Aisha (Sabina yang telah berwajah buruk) bagi menunjukkan cara kedua ‘menyembuhkan dingin’ Fahri iaitu mencari kelainan suasana romantik untuk melakukan hubungan seksual. Hulya juga dicadangkan Aisha (Sabina) untuk lebih sabar, lemah-lembut dan mengalah ketika berhadapan dengan Fahri. Atas matlamat menghilangkan ingatan luar biasa Fahri kepada Aisha, Hulya melaksanakan strategi romantiknya seperti mengajak Fahri berkhemah di tasik, memainkan biola ketika alam suram dan bermesra dengan Fahri dalam khemah. Pengarang menggunakan kata ibadah bagi menggantikan kata hubungan seks yang berlaku antara Fahri dan Hulya akibat usaha keras Hulya menjadi seorang yang sangat romantik.

Bagi diri Fahri pula, sikapnya yang sentiasa tenang dan lembut kepada Aisha dan Hulya adalah cara romantiknya. Dia juga sering memuji dan memanggil Hulya dengan panggilan istimewa. Misalnya mengatakan Hulya lebih cantik dari bunga Middlemist merah (*Ayat-Ayat Cinta 2*, 2015, hlm. 611). Sewaktu melakukan hubungan seksual, Fahri digambarkan pengarang begitu sabar untuk memberi kebahagiaan kepada isterinya:

Hulya mengajak suaminya ke kamar untuk beribadah (hubungan seks) penuh khusuk sebagai suami isterinya layaknya para solehin beribadah. Fahri begitu sabar dan telaten mengiringinya memasuki mihrab-mihrab kenikmatan ibadah (seks) yang menggetarkan seluruh saraf-sarafnya. Berulang-ulang kali ia memekikkan tasbih di telinga Fahri dengan kedua mata terpejam. Harum kesturi mengiringi merekahnya jutaan bunga mawar yang indah di dalam batinnya (*Ayat-Ayat Cinta 2*, 2015, hlm. 610)

Selanjutnya, novel *Ayat-Ayat Cinta 2* berkecenderungan menonjolkan gaya mewah Muslim aristokrat di Eropah. Dalam novel *Ayat-Ayat Cinta* (2004), Fahri adalah mahasiswa Indonesia yang miskin sehingga perlu berjualan bakso bagi menampung kehidupannya di Mesir. Fahri berkahwin dengan Aisha, seorang hartawan berkacukan Jerman-Turki. Kehilangan Aisha dalam novel *Ayat-Ayat Cinta 2* meletakkan Fahri sebagai pewaris harta isterinya. Dia memiliki dua buah apartmen, sebuah banglo, empat buah pasaraya dan restoran halal serta lapan buah butik pakaian di kota utama Eropah. Fahri mempunyai pemandu dan pembantu peribadi, Hulusi yang berasal dari Turki. Dia mengendarai SUV BMW dan Rolls-Royce Wraith. Selain hartawan, Fahri juga seorang ilmuwan yang telah menyelesaikan Ijazah Sarjana dalam bidang Tafsir Al-Quran dari Universiti Al-Azhar, Kaherah dan Ijazah Kedoktoran dari *Albert-Ludwigs-Universitat Freiburg*, Jerman dalam bidang Filologi. Fahri menjadi pensyarah tamu di Universiti Edinburgh, Scotland sebelum bertugas tetap di Oxford Centre for Islamic Studies. Perkara ini menjelaskan bahawa status sosial Fahri telah berubah menjadi seorang yang penting dalam komuniti masyarakat Islam khususnya di Scotland dan London.

Dengan kemewahan, Fahri dapat membahagiakan orang-orang sekelilingnya baik golongan Muslim maupun bukan Muslim. Fahri memberikan pekerjaan kepada Hulusi dan Sabina (Aisha yang menyamar sebagai gelandangan) serta menaja Pengajian Ph.D Misbah di Heriot-Watt University, Scotland. Malah, Fahri menggunakan kemewahannya untuk membina hubungan dengan jiran-jirannya yang beragama Yahudi dan Kristian seperti memaafkan Jason yang mencuri di kedainya, menaja dan membeli biola untuk Keira, menghantar Nenek Catarina beribadah di sinagog (rumah ibadah Yahudi) dan membelikannya rumah. Tindakan Fahri berawal dari keyakinan bahawa hanya cinta yang dapat memadamkan api Islamophobia dan mengembalikan imej Islam sebagai agama pendamaian di Eropah.

Dalam kehidupan seharian, Fahri gemar memakai pakaian sederhana. Sebaliknya, untuk acara yang melibatkan maruah agama Islam, Fahri menggunakan pakaian mewah. Pengarang beranggapan bahawa pakaian mewah dapat mendatangkan keyakinan penonton terutama bukan muslim terhadap personalitinya sebagai sarjana Muslim. Pengarang turut menyatakan fizikal Fahri yang tinggi dan kacak telah membuatkan para hadirin berasa kagum.

Penampilan Fahri untuk debat di Oxford union sore itu tidak main-main. Ia memakai pakaian resmi aristokrat Inggeris. Sore itu ia memakai suit atas jas, lengkap dengan *waitcost* atau rompi, kemeja *double cuff*, kemudian *cufflink* dan dasi. Untuk celana, ia memakai celana bahan *woolblend*. Dan sepatu yang ia pilih adalah jenis sepatu *broque* (*Ayat-Ayat Cinta 2*, 2015, hlm.560). Dengan postur 175, Fahri kelihatan gagah dan menawan (*Ayat-Ayat Cinta 2*, 2015, hlm. 561).

Sekiranya perkahwinan Fahri dan Aisha berlangsung sederhana di Mesir ketika Fahri masih bergelar mahasiswa (*Ayat-Ayat Cinta*, 2004), untuk perkahwinannya dengan Hulya, mereka memilih taman indah di Magdalen College Oxford, London dengan ratusan tetamu antarabangsa dan pelbagai jenis hidangan khas Turki, Arab, Indonesia dan Inggeris. Gambaran tersebut sangat cocok dengan status sosial Fahri sebagai hartawan dan sarjana Muslim tersohor. Malam pertama Fahri dan Hulya di hotel ternama iaitu Oxford Thames

Four Pillars Hotel. Fahri turut membelikan Hulya banglo enam bilik di bandar Oxford. Rumah elit tersebut dibangunkan pada tahun 1886 dengan gabungan klasik dan moden (Ayat-Ayat Cinta 2, 2015, hlm. 610). Kekayaan Fahri juga digunakan untuk melakukan pembedahan penukaran wajah Hulya kepada Sabina (Aisha). Setelah Hulya meninggal dunia, Aisha menggantikan tempat Hulya dan memiliki semula cinta Fahri serta kehidupan mewahnya sebelum ini.

Selain kemewahan, aspek ketiga yang menonjol dalam novel *Ayat-Ayat Cinta 2* adalah kesempurnaan diri Fahri sebagai lelaki, suami, sarjana Islam dan ahli perniagaan. Fahri digerakkan untuk mengislahkan orang-orang sekelilingnya. Kekuatan dirinya bermula dengan hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia. Dia berjaya menjadikan Aisha muslimah berwatak pejuang, sanggup terbang ke Palestin untuk memberi bantuan. Fahri telah menukar Hulusi daripada penjahat menjadi Muslim yang taat. Dalam konteks yang lebih besar, Fahri telah mengubah persepsi Islam radikal kepada Islam toleran melalui akhlaknya di universiti, persidangan ilmu, masjid dan kota besar.

Dia juga sedaya-upaya menjadi ‘duta Islam’ di tengah kegawatan prasangka bukan Muslim Eropah terhadap Islam. Justeru perlakuannya disistemkan penulis untuk berbuat baik dengan semua bukan Muslim di sekitarnya khususnya mereka yang memusuhi Islam. Walau bagaimanapun, sebahagian usaha Fahri dilihat ‘tidak natural’ apabila sanggup membelikan rumah untuk seorang yang berbangsa Yahudi dan menaja Kiera, remaja pemusuh Islam dengan nilai ratusan ribu dolar supaya Kiera menjadi pemain biola antarabangsa. Sifat sebegini tidak wujud di dunia nyata tetapi cocok dengan keinginan masyarakat Muslim untuk bergelar hero penyelamat Islam. Bahkan, pengarang membuat kejutan apabila Kiera, gadis Kristian yang cantik menawarkan dirinya untuk menjadi isteri Fahri sekaligus bakal meletakkan dirinya sebagai isteri keempat Fahri. Pengarang memanipulasi kesempurnaan Fahri untuk menjadi punca gadis-gadis jatuh cinta kepadanya termasuklah dalam novel *Ayat-Ayat Cinta* (2004) iaitu Maria, Aisha, Noura, Nurul, Hulya dan Kiera. Terakhir, walaupun Fahri kelihatan moderat dalam visi Islamnya, tetapi dia tidak mengizinkan isterinya menjadi pemain biola dunia sebaliknya mahu Hulya memfokuskan kepada urusan rumahtangga dan pendidikan anak. Saranan Fahri kepada Hulya dalam petikan berikut membuktikan bahawa Fahri mengamalkan Islam yang sederhana dalam masa yang sama bersetuju dengan Islam tradisi yang diterimanya sejak kecil di Indonesia.

Hulya sempat minta izin kepada Fahri agar diperbolehkan ikut kompetisi di London menemani Kiera, tetapi Fahri tidak mengizinkan (Ayat-Ayat Cinta 2, 2015, hlm. 599).

Kalau itu yang kau inginkan, maka fokusmu bukan pada biola. Tapi fokusmu adalah mendidik dirimu dulu. Mengisi dirimu dengan Al-Quran. Perbaiki cara membaca Al-Quran, memahami isi dan mengamalkannya. Al-Quran adalah tuntunan terbaik untuk para pendidik (Ayat-Ayat Cinta 2, 2015, hlm. 599).

Naratif romantik, kekayaan, kesempurnaan adalah satu idealisme dan cita rasa yang dicipta pengarang untuk memenuhi keperluan khalayak pembaca yang menggemari nilai-nilai tersebut dalam kehidupan kontemporari dan menjadi budaya popular idaman. Latar antarabangsa menambahkan lagi ciri komersil yang diterapkan oleh pengarang selain watak lelaki yang merupakan watak utama. Tanpa disedari, ini sebenarnya mewujudkan konsep

dominasi maskulin (Heryanto, 2008, hlm. 7). Aspek ini terterap dalam media massa menerusi novel dan filem. Peranan lelaki dalam sektor ‘awam’ iaitu bekerjaya, menjadi pusat kebergantungan manakala wanita walaupun mempunyai kesejahteraan hidup tetap bergantung kepada peranan lelaki.

### KESIMPULAN

Analisis yang tertumpu kepada aspek romantik, mewah dan sempurna dalam novel *Ayat-Ayat Cinta 2* menjelaskan bahawa novel-novel Islam pasca-Islamism tidak dapat membebaskan bentuk luaran dan dalamannya daripada pengaruh komersil media massa yang kuat. Walaupun *Ayat-Ayat Cinta 2* membawakan isu-isu serius iaitu Islamofobia dan perbandingan agama, pergerakan plot dan naratifnya dibauri unsur-unsur popular yang digemari masyarakat. Pengarang menjadikan sifat sempurna watak Fahri sebagai suis yang menggerakkan plot novel. Fahri seorang yang kacak dan tinggi, dua kelebihan penting untuk pandangan pertama, berakhhlak mulia dan santun sesuai dengan tipikal Muslim nusantara, seorang intelektual Islam yang bergelanggang di universiti terbaik dunia iaitu Universiti Oxford, hartawan yang memiliki aset hartaanah dan perniagaan di lapan buah negara Eropah serta seorang suami yang dapat memenuhi apa sahaja keperluan dan kehendak isterinya. Dalam setiap tindakan Fahri, dia tidak memisahkan daripada solusi Islam, secara tidak langsung representasi Islam dalam *Ayat-Ayat Cinta 2* bersifat praktikal dan dinamik dalam negara majoriti bukan Muslim.

Fahri membawa suara Islam moderat kesan perkahwinannya dengan wanita berdarah kacukan Eropah. Pengalamannya tinggal di Jerman, Scotland dan England telah melunakkan hubungannya dengan bukan Muslim. Walaupun janggal seorang Muslim Indonesia menghantar penganut Yahudi ke Sinagog, rumah ibadah Yahudi akibat tiada hubungan diplomatik antara negara Israel dan Indonesia, tetapi Fahri telah melakukannya. Pengarang menghantar suara yang diyakini toleransi Islam menerusi layanan baik kepada individu-individu yang mencaci Islam. Sesuatu yang ironi apabila Kiera, gadis cantik yang melancarkan perang Islamofobia telah dibela Fahri sehingga menjadi ahli seni bertaraf dunia. Tetapi bagi Fahri, dia berasa telah menang dan menjadi hero Islam selepas Kiera menyesal dan mula menyenangi Islam. Namun, lebih janggal apabila Kiera menawarkan dirinya untuk menjadi isteri keempat Fahri, selepas Aisha, Maria dan Hulya.

Pengarang mengeksplorasi dengan baik kesempurnaan seorang lelaki Muslim. Di luar persoalan peribadinya, Fahri bukan hanya menguasai ajaran Islam secara akademik menerusi ijazah kedoktorannya dalam bidang Filologi, tetapi setiap tindakannya adalah untuk menterjemahkan Islam baik dalam percakapan harian, hubungan sosial masyarakat dan gaya hidup. Fahri turut menggunakan kemewahan yang dimiliki untuk menakluk kesedaran individu bukan terhadap dirinya sebaliknya terhadap Islam. Misalnya Fahri mengenderai SUV BMW dan Rolls-Royce Wraith untuk menjelaskan Islam tidak menghalang kekayaan. Dia juga menyewa Lamborgini Reventon dan Jaguar F-Type 5.0 bagi mendatangkan kekaguman rakan bukan muslim terhadap umat Islam yang dihinanya. Membeli hartaanah dan aset perniagaan seperti pasaraya dan butik berkelas dunia hanya di hujung jari Fahri. Demi menjelaskan rasa kemanusian iaitu salah satu sifat yang dianjurkan Islam, Fahri juga membelikan rumah untuk nenek tua berbangsa Yahudi yang dizalimi anak tirinya, seorang pengganas Israel. Ini adalah usaha pengarang menukar persepsi bahawa Israel adalah pengganas dunia yang sebenar.

Identiti luar Fahri kemudian bergerak ke plot yang lebih ‘menyegarkan’ iaitu cinta romantik dan amalan seksual. Dua wanita dihadirkan untuk memperkembangkan konflik rahsia dalaman Fahri. Ketika dia sangat memprihatinkan masalah dunia Islam yang diperkotak-katikkan musuh, pada waktu yang sama jiwanya bergoncang dengan kesunyian, rindu berahi dan masalah syahwat. Pengarang mempertentangkan karakter Aisha dan Hulya; keduanya gadis jelita Turki dengan Aisha mempunyai darah campuran Jerman, berasal dari keluarga aristokrat yang Islamik dan moderat, bijaksana, berbakat besar dan mempunyai kesetiaan pada seorang lelaki. Secara bersilih-ganti, dua wanita ini melunaskan konflik romantik yang menyeronokkan pembaca. Kepada Fahri, Aisha hilang secara fizikal tetapi hidup dalam kotak fikiran dan mimpi-mimpinya. Pembaca menemukan Fahri mabuk syahwat apabila hanya dengan bermimpikan Aisha, dia mendapat klimak seksual. Bagi Aisha sendiri, dia tidak hilang. Dia wujud di sekitar Fahri dalam tubuh wanita yang hodoh dan papa kedana. Aisha memerhatikan Fahri ‘berjuang’ mencari penggantinya, yang akhirnya dipertemukan dengan Hulya. Aisyah dibawa masuk pengarang ke dalam rumah Fahri sebagai orang gaji dengan nama Sabina. Dia melihat kemesraan Fahri dan Hulya, mengetahui suaminya mempunyai masalah untuk memuaskan Hulya. Aisha memberi tips kepada Hulya yang kemudiannya tips itu merungkai konflik syahwat Fahri. Kebahagiaan baru kepada Fahri dan Hulya apabila Hulya melahirkan anak mereka, dan sekaligus ingatan dan cinta Fahri terhadap Aisha mulai berkurangan. Walau bagaimanapun, Hulya tidak mempunyai jodoh yang lama dengan Fahri. Dia meninggal dunia dengan wajahnya dipindahkan (secara pembedahan plastik) ke wajah Aisha. Selepas kematian Hulya, Fahri bersatu semula dengan Aisha iaitu penyatuan tanpa perlu digandingkan dengan isu wajah buruk Aisha dan keadilan berpoligami. Jelas, pengarang memanipulasi konflik dan tragedi cinta sebagai plot yang menyenangkan hati para pembaca.

Penting dinyatakan, novel *Ayat-Ayat Cinta 2* memaparkan 13 gambaran seks yang berlaku antara Fahri dengan Aisha dan Fahri dengan Hulya. Walau bagaimanapun, pengarang menggantikan kata seks dengan perkataan lebih lembut dan Islamik seperti bercampur, beribadah, menyatu, tidak bisa sabar dan mihrab-mihrab kenikmatan. Bahkan, ditunjukkan tatacara melakukan seksual dalam Islam seperti mengambil wudhu, bermesra secara ringan, memastikan suami isteri mencapai puncak bahagia, berzikir dan berdoa sehingga melaksanakan solat tahajud. Justeru, dapat dikatakan novel ini mentranformasikan tema cinta romantik kepada tema seksualiti secara Islam yang dapat memperluaskan lagi ciri dan perbincangan novel-novel Islam pasca-Islamism. Kesimpulannya, novel *Ayat-Ayat Cinta 2* mewakili tradisi novel popular Islam yang terbina dari dua struktur utama iaitu struktur yang berangkat dari penawaran mesej Islam dengan struktur kisah-kisah yang lebih peribadi seperti cinta romantik dan seks. Alat penyatuan dua struktur tersebut adalah nilai-nilai komersial, kontemporari dan popular yang telah menerima penjenamaan dalam pasaran komunikasi dan media massa. Novel *Ayat-Ayat Cinta 2* adalah hasil kesusasteraan dalam masa yang sama adalah produk budaya pasca - Islamism. Kesemua gabungan kisah popular cinta, budaya popular masyarakat, produksi karya dan penyebaran karya dalam khalayak pembaca membentuk cita rasa dan pemikiran budaya popular semasa.

#### BIODATA

*Ummi Hani Abu Hassan* adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang penyelidikan beliau banyak berkisar tentang novel popular Islam dan budaya pasca-Islamism. Emel: ummihani.abuhassan@um.edu.my

*Awang Azman Awang Pawi* adalah Professor Madya di Jabatan Sosio-Budaya, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. Bidang penyelidikan beliau berkaitan dengan budaya dan sosio politik Malaysia dan Indonesia. Emel: awangazman@um.edu.my

#### RUJUKAN

- Arifianto, A. R. (2009). Explaining the cause of Muslim-Christian conflicts in Indonesia: Tracing the origins of Kristenisasi and Islamisasi. *Islam and Christian-Muslim Relation*, 20(1), 73-89.
- Arnez, M. (2009). Dakwah by The Pen: Reading Helvy Tiana Rosa's Bukavu. *Indonesia and the Malay World*, 37(107), 45-64.
- Aspinall, E. (2007). From Islamism to nationalism in Aceh, Indonesia. *Nations and Nationalism*, 13(2), 254-263.
- Awang Azman Awang Pawi, Zulkaini Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi, & Suffian Mansor. (2016). The Rise of Politic Ethnonationalism in the State of Sarawak Borneo. *Journal of Scientific Research and Development*, 3(7), 78- 85.
- Bayat, B. (1996). The Coming of a Post Islamist Society. *Critique: Critical Middle Eastern Studies*, 5(9), 43-52.
- Bowen, J. R. (1984). Death and the history of Islam in Highland Aceh. *Indonesia*, 38(10), 21-38.
- El-Shirazy, A. S. (2006). *Fenomena Ayat-Ayat Cinta*. Jakarta: Penerbit Republika.
- El-Shirazy, H. (2015). *Ayat-ayat cinta 2*. Jakarta: Republika Penerbit.
- Harmakaputra, H. A. (2015). Islamism and post- Islamism "Non- Muslim" in socio-political discourses of Pakistan, the United States, and Indonesia. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 53(1), 179-204.
- Heryanto, A. (Ed.). (2009, November 24). *Popular culture in Indonesia: Fluid identities in post-authoritarian politics* (Paperback Routledge Media, Culture and Social Change in Asia Series). New York: Routledge.
- Heryanto, A. (2011). Upgraded piety and pleasure, the new middle class and Islam in Indonesian popular culture. In Weintraub, A. (Ed.), *Islam and popular culture in Indonesia and Malaysia* (pp. 60-82). New York: Routledge.
- Huda, A. N. (2010). Filming Ayat-Ayat Cinta, the making of a Muslim public sphere in Indonesia. *Journal of Indonesian Islam*, 4(1), 43-60.
- Koh Young Hun, & Ummi Hani Abu Hassan. (2015). Fenomena novel popular Islam di Malaysia dan Indonesia: Bacaan khusus terhadap novel Ayat-Ayat Cinta dan Salju Sakinah. *Jurnal Melayu*, 14(1), 92-102.
- Koh Young Hun, & Ummi Hani Abu Hassan. (2018). A comparison of the concept of romantic love in the novel Ayat-Ayat Cinta 2 and Salju Sakinah. *Malay Literature*, 31(1), 98-123.
- Md Azalanshah Md Syed. (2019). K-pop, aspirasi kemodenan dan ketidakpatuhan strategik dalam kalangan wanita Melayu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(2), 103-122.
- Muhamad Ansor. (2016). Post-Islamism and the remaking of islamic public sphere in post-reform Indonesia. *Studia Islamika*, 23(3), 471-515.
- Mujiyanto, Y., & Fuady, A. (2014). *Kitab sejarah sastra Indonesia*. Yogjakarta: Penerbit Ombak.
- Muller, D. M. (2015). Islamic politic and popular culture in Malaysia: Negotiating normative between Shariah law and electric guitars. *Indonesia and the Malay World*, 43(127), 318-344.
- Muzakki, A. (2017). Transmitting Islam through stories, the sociology of production and comsumption of Islam in novel literature. *Journal of Indonesian Islam*, 11(1), 59-66.

- Mohammad Rokib. (2015). Reading popular Islamic literature: Continuity and change in Indonesian literature. *International Journal of Religious Literature and Heritage*, 4(2), 183-194.
- Mohd Faizal Musa. (2012). *Wacana sastera Islam di Malaysia dan Indonesia*. Selangor: Penerbit UPM.
- Mohd Zariat Abdul Rani. (2012). Islam, romance and popular taste in Indonesia: A textual analysis of Ayat-Ayat Cinta by Habiburrahman El-Shirazy and Syahadat Cinta by Taufiqurrahman Al-Azizy. *Indonesia and The Malay World*, 40(116), 59-73.
- Moussay, G. (1986). Une grande figure de l' Islam Indonesien: Buya Hamka. *Archipel*, 32, 87-111.
- Nisa, E. F. (2018). Creative and lucrative da'wa: The visual culture of instagram amongs female Muslim youth in Indonesia. *Asiascape: Digital Asia*, 5, 68-99.
- Noor, F. A. (2015). Popular religiosity in Indonesia today, the next step after Islam kultural. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 53(2), 283-302.
- Noorhaidi Hasan. (2009). The making of publis Islam: Piety, agency and commodifacation on the landscape of the Indonesian Public sphere. *Contemporary Islam*, 3(3), 229-250.
- Paramadhita, I. (2010). Passing and conversion narratives Ayat-Ayat Cinta and Muslim performativity in contemporary Indonesia. *Asian Cinema*, 21(2), 69-90.
- Sakai, M. (2012). Preaching to Muslim youth in Indonesia: The dakwah activities of Habiburrahman El Shirazy. *Review of Indonesian and Malaysian Affairs*, 46(1), 9-31.
- Sasono E. (2013) Islamic revivalism and religious piety in Indonesian cinema. In Daniels T. P. (Eds), Performance, Popular Culture, and Piety in Muslim Southeast Asia. New York: Palgrave Macmillan.
- Sinanovic, E. (2005). Post-Islamism: The failure of Islamic activism? *International Studies Review*, 7(3), 433-436.
- Strinati, D. (2004). *An introduction to theories of popular culture*. London: Routledge.
- Suffian Mansor, & Awang Azman Awang Pawi. (2018). Sarawak dalam pilihan raya umum ke-14: Cabaran kepada konsep strongman dan penaung-dinaung. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2) (December 2018), 186-220.
- Wan Ahmad Fahmi Wan Muda. (2014). Pemikiran pasca Islamisme dalam konteks gerakan Islam di Malaysia. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(3), 9-15.
- Wan Sabri Wan Yusuf. (2005). Religious harmony and inter-faith dialogue in the writings of Hamka. *Intellectual Discourse*, 13(2), 113-134.
- Weintraub, A. (Ed.). (2011). *Islam and popular culture in Indonesia and Malaysia*. New York: Routledge.